

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Zainudin bin Ismail
[Jelebu]**

NO. SOALAN : 84

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan tenaga pengajar di kolej-kolej bawah naungan MARA dan memiliki Diploma Pendidikan, tetapi masih belum diserap ke jawatan tetap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat Mac 2014, MARA mempunyai seramai 8,970 orang tenaga pengajar yang berkhidmat di Maktab Rendah Sains MARA, Kolej MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Kolej Profesional MARA dan Institut Kemahiran MARA.

Bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DC 41 memiliki Diploma Pendidikan adalah seramai 253 orang Kumpulan DPLI UPSI Kohort IV. Para pegawai ini dalam proses untuk dilantik tetap sebaik sahaja perkiraan penetapan gaji tetap dapat diselaraskan dan para pegawai lulus tapisan keselamatan dan sokongan pengawal pusat.